



Muhyiddin menyampaikan replika cek sumbangan sempena Ramadan kepada pusat khidmat DUN Gambir kepada wakil pelaksana sumbangan Ayub Bani (kanan) di Bukit Gambir, Muar semalam. (Foto BERNAMA)

Kerajaan ada tanggungjawab kawal penularan pandemik

Muar: Kerajaan mempunyai tanggungjawab mengawal punca penularan COVID-19 di negara ini dengan menguat kuasa undang-undang, termasuk mengenakan kompaun, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan faktor utama penularan COVID-19 masih berlaku di negara ini, akibat ketidakpatuhan terhadap prosedur standard operasi (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

“Namun, kita (kerajaan) tidak mampu uruskan penularan 100 peratus kerana ia berbalik pada soal rakyat menguruskan ehwal masing-masing dengan mematuhi peraturan ketat supaya kita tak dijangkiti COVID-19.

“Sebab itu (penularan COVID-19) masih berulang setiap hari. Bilangan yang berjangkit dan terkesan dengan wabak ini dan yang positif diluar jangkauan. Oleh sebab itulah kita perlu mengambil langkah lebih

tegas dan berani (termasuk gunakan undang-undang) untuk uruskan COVID-19,” katanya ketika merasmikan Majlis Tahlil dan Penyampaian Sumbangan Ramadan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir di Masjid Jamek Simpang 5 Darat, di Bukit Gambir, semalam.

Justeru, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh dan ADUN Gambir, merayu rakyat bersama-sama mematuhi SOP tidak kira di mana mereka berada dan apa jua aktiviti dijalankan.

“Saya merayu seluruh rakyat untuk kita bersama-sama menangani wabak COVID-19 dengan patuhi arahan dikeluarkan kerajaan. Cara kita berinteraksi, berurusan, bersosial sama ada dalam kegiatan bersukan, bersekolah dan sebagainya, perlu dilakukan secara berwaspada.

“Semua tempat itu agak ramai terbahit. Sekiranya tak dikawal secara

rapi dan tiada penguatkuasaan undang-undang diambil terhadap mereka yang langgar peraturan, maka masalah COVID-19 tidak dapat diatasi dalam tempoh terdekat,” katanya.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, kerajaan tidak bercadang buka pintu sempadan negara buat masa ini, berikutan kesan penularan wabak yang besar.

“Sempadan negara kita masih kekal ditutup, walaupun ada rayuan daripada sesetengah pihak supaya dibuka untuk membolehkan pergerakan, namun kita menimbang dari pelbagai sudut.

“Mungkin kalau buka terlalu awal jadi masalah, tetapi kalau tidak dibuka langsung pun seperti sekarang juga menjadi masalah. Ini pertimbangan agak sukar yang terpaksa saya buat ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.